

# Antara kekecewaan, hasrat Pak Lah

## Usahawan Melayu dituntut ubah sikap, lakukan penghijrahan minda

BH- 11/3/2007



**B**ARANGKALI ia tergolong antara teguran yang sudah kerap dengar, namun ia boleh dijangka akan terus diulang-ulang pada masa depan selagi matlamat mewujudkan masyarakat perniagaan Bumiputera yang berjaya dan ikhlas belum tercapai keseluruhannya.

Kelmarin, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengulanginya meskipun nada pertuturannya dilihat berlapis dengan berselindung di sebalik apa yang diketangkannya sebagai rasa malu tanpa berniat untuk memperlekeh bangsa sendiri.

Orang Melayu, kata Perdana Menteri, lebih gemar berpolitik, khususnya untuk mendapat kuasa di dalam parti, hingga tergamak untuk melakukan apa saja daripada berebut-rebut jawatan, menyebarkan fitnah hinggalah kepada mengata dan mengumpat.

Bezanya, pada pengamatan Abdullah, persaingan dan perancangan yang digunakan oleh orang Melayu untuk menguasai politik, tidak pula dilaksanakan mereka bagi menguasai ekonomi sedangkan mereka bukan tidak berupaya.

Inilah satu bidang yang menyaksikan orang Melayu cepat berputus asa dalam bersaing. Ramai yang terdorong memilih jalan pantas dengan menjual apa yang diperoleh kepada kaum lain. Kemudian mereka akan meminta-minta lagi.

"Kalau kuasa politik tidak membawa kejayaan kepada ekonomi, satu hari nanti kuasa politik milik orang Melayu akan hilang," pesan Perdana Menteri pada majlis perasmian Kongres Jihad Ekonomi 2007 anjuran Gagasan Badan Ekonomi Melayu (Gabem) di Kuala Lumpur.

"Saya malu apabila ada orang Melayu yang cepat putus asa dalam persaingan ekonomi. Berbeza sungguh sikap kita dalam politik, masing-masing berebut hendak mendapatkan kuasa sehingga sanggup melakukan apa saja.


"Hilang politik kerana tiada ekonomi, sesat politik kerana tiada syariah," katanya sambil menuntut perubahan sikap dan penghijrahan minda selain perlunya orang Melayu tidak hanya pandai bercakap tetapi menerapkan budaya kerja yang lebih baik dan berdaya maju.

Harus ramai yang hadir di dewan persidangan berkenaan terangkut-angkut mendengar amanat sedemikian, di samping harus ramai juga yang tidak lagi mengingatnya ketika melangkah keluar sejeurus kemudian.

Bukannya mereka tidak tahu bahawa orang Melayu perlu turut berkuasa dalam ekonomi untuk mengekalkan kekuasaan politik. Bukannya juga mereka tidak sedar bahawa kuasa politik yang ada pada mereka boleh tergedai. Tetapi adakah apa-apa yang berbeza?

Lebih sedikit daripada tiga minggu lalu, Kajian Ketirisan Kontraktor Bumiputera 2006 mendedahkan 85.37 peratus projek yang diperuntukkan kepada kontraktor Bumiputera, mengalami ketirisan.

85 peratus bukan perangkaan kecil. Lebih lapan daripada setiap 10 kontraktor Bumiputera yang diberikan



projek, menjualnya.

Ia bermaksud kepada kontraktor Bumiputera yang hanya cenderung kepada keuntungan segera melalui jalan pintas, hanya dapat menghirup kuah sambil isinya dinikmati kaum lain.

Barangkali juga kepada perkiraan mereka ini, biarlah asal untung sedikit daripada menanggung kerugian kemudian gara-gara tiada kesungguhan, keyakinan mahupun kepakaran untuk melaksanakan sendiri projek hingga berjaya.

Umum pun mengetahui reaksi Abdullah ketika itu yang berbau antara rasa marah dan kecewa: "Ia bukan saja gagal-gagal hasrat kita memaju dan memperkasa kontraktor Bumiputera, malah turut menjejaskan usaha negara untuk mencapai kemajuan dan kestabilan dalam jangka panjang.

"Mereka ini bukan mengambil jalan pintas, sebaliknya tidak mahu bekerja, tidak mahu belajar dan ambil mudah peluang yang diberi kerajaan."

Seharusnya Perdana Menteri berasa marah dan kecewa kerana ia menghamburkan usaha kerajaan untuk membangunkan masyarakat perdagangan dan perindustrian Bumiputera seperti dicitacitakan sebagai satu gagasan penting dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

"Hentikan segera amalan mengalibakan kontrak kerajaan," rayu Abdullah ketika itu di sebalik desakan pihak-pihak berkaitan agar satu mekanisme lebih berkesan diwujudkan segera bagi memastikan amalan itu dapat dihapuskan.

Ramai turut berkongsi kebimbangan Abdullah bahawa sehingga penghujung

**“Orang Melayu lebih gemar berpolitik, khususnya untuk mendapat kuasa di dalam parti, hingga tergamak untuk melakukan apa saja daripada berebut-rebut jawatan, menyebarkan fitnah hinggalah kepada mengata dan mengumpat”**

**Abdullah Ahmad Badawi**  
Perdana Menteri

pelaksanaan RMK-9 pada 2010, lebih ramai kontraktor Bumiputera akan ditawarkan pelbagai projek kerajaan yang memungkinan sebilangan besar mereka akan turut gelap mata.

Hampir rata-rata mereka memberi reaksi ia menuntut perubahan sikap kontraktor Bumiputera sendiri dengan me-

ngorbankan niat mementingkan diri sendiri untuk mengambil jalan pintas mencari keuntungan dengan mengalibakan projek masing-masing.

Dalam pada itu, ada juga yang mempertikaikan hasil kajian ketirisan itu. Daripada ia dilihat sebagai pembuka mata untuk bermuhasabah diri atau diambil peringatan daripadanya, pendedahan itu sebaliknya dianggap menjejaskan kewibawaan dan membunuh semangat kontraktor Melayu yang ikhlas melaksanakan projek mereka.

Apakah apa-apa ingatan akan memberi kesan?

Bukan juga asing kedengaran cakap-cakap pada peringkat bawahan yang terarah untuk menyalahkan kerajaan apabila berlaku ketirisan. Kalau pun tidak sebahagian projek, harus ada sebilangan, begitulah antara kata mereka.

Alasan sesetengah mereka sebagai kontraktor Bumiputera yang pernah menjual projek mereka kepada kaum lain pada masa lalu, masing-masing diberikan projek yang didakwa pada skala lebih besar pula.

Ini kadangkala menimbulkan kehairanan hingga menimbulkan pelbagai tohmahan kononnya ada yang menggunakan 'kabel' di sebalik wujud pula tuduhan ia berkaitan dengan pembabitan atau bantuan orang dalah.

Sama ada, ia didasarkan kepada sesuatu yang benar berlaku ataupun sekadar sikap iri hati mereka yang kecewa, seharusnya cakap-cakap sedemikian tidak diketepikan begitu saja dalam pada kerajaan mahu bersikap lebih telus menyaring kontraktor Bumiputera berwisata.

Satu pandangan yang diutarakan ialah perlunya kerajaan melakukan audit terhadap semua syarikat Bumiputera yang mendapat projek kerajaan untuk mengetahui sama ada mereka melaksanakannya sendiri atau menyerahkan kepada pihak lain.

Tidak ketinggalan juga saranan agar kerajaan menyemak semula sistem pemberian kontrak kepada usahawan Bumiputera bagi meminimumkan ketirisan, termasuk menubuhkan sebuah agensi se-henti bagi memeriksa dan mengenal pasti kontraktor tulen dan pada masa yang sama menyenaraihitamkan mereka yang tidak bertanggunjawab.

Antara langkah besar ke arah itu sudah pun terlaksana melalui arahan Kementerian Kewangan mewajibkan semua kontraktor yang mendapat projek kerajaan supaya membuat akuan rasmi untuk tidak mengalibakan kontrak sebelum tawaran dikeluarkan kepada mereka.

Risikonya ialah di pihak kontraktor sendiri kerana mana-mana daripada mereka yang didapati melanggar peraturan itu akan ditamatkan kontrak dan dibatalkan pendaftaran mereka.

Seperti dihujahkan Perdana Menteri kelmarin, orang Melayu bukannya tidak boleh berniaga, tetapi mereka perlu membina keupayaan berteraskan ilmu yang boleh memberi keyakinan kepada mereka untuk bersaing dalam dunia perniagaan.

Buktinya terpampang di depan mata apabila Senarai Billionair Dunia Forbes bagi 2007, dengan nilai bersih harta individu antara AS\$1.1 bilion dan AS\$7 bilion, turut menyenaraikan Tan Sri Syed Mokhtar AlBukhary, 55, sebagai billionair termuda di kedudukan ke-754, dengan harta bernilai AS\$1.3 bilion.